

Headline	Thunderbolts pertahan juara		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	08 Feb 2013	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	192,982
Page No	48	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	386 cm <sup>2</sup>
Journalist	Jumiati Rosly	AdValue	MYR 13,068
Frequency	Daily	PR Value	MYR 39,205



# Thunderbolts pertahan juara

» *Tewaskan UniKL dalam perlawanan penentuan liga hoki remaja*

**Oleh Jumiati Rosly**

jumiati@bharian.com.my

## ► Kuala Lumpur

**S**ekolah Sukan Tengku Mahkota Ismail (SSTMI) Thunderbolts berjaya mempertahankan mahkota kejuaraan Liga Hoki Remaja Malaysia MHC-Milo-MSN apabila menewaskan UniKL Young Guns (UniKL) 4-3 dalam perlawanan penentuan di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil, petang semalam.

Kemenangan itu membolehkan skuad bimbingan Wan Mohd Roslan Wan Abdul Rahman itu berkongsi 18 mata dengan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), tetapi mahkota kejuaraan sah menjadi milik mereka berdasarkan kelebihan jaringan.

Apapun, SSTMI harus berterima kasih kepada Amir Zulkarnain apabila meledak dua gol termasuk jaringan kemenangan pada minit ke-66 untuk memastikan pasukannya menjulang mahkota kejuaraan itu buat kali ketiga.

Bagaimanapun, UniKL bermula garang apabila menyumbat masuk jaringan pertama menerusi Muhammad Azrul Hasbullah seawal minit keenam, namun SSTMI bangkit dengan dua gol menerusi Azril Misron dan Amir pada minit ke-14 serta 27 menerusi pukulan sudut penalti.

## Tidak ada rehat

Azril sekali lagi meledak untuk membolehkan SSTMI mendahului selesa 3-1 pada minit ke-31, tetapi seminit sebelum rehat, UniKL berjaya merapatkan jurang apabila pemain SSTMI Mohd Najimi Farizal Jazlan 'menghadiahkan' gol kepada lawan.

Namun, tiga minit selepas babak kedua bersambung, Muhd Syafiq Zulzairin memastikan UniKL mengikat kedudukan 3-3 sebelum Amir tampil menjaringkan gol kemenangan empat minit sebelum tamat perlawanan.

"Secara keseluruhan saya puas hati persembahkan permainan yang pamer kesungguhan tinggi memenangi perlawanan. Kalau ikutkan, pemain kami tidak sempat berehat kerana terpaksa mengharungi empat perlawanan berturut-turut berbanding UniKL yang tidak beraksi minggu ini," kata Wan Mohd Roslan.

Sementara itu, jurulatih UniKL, K Embaraj berkata pasukannya tidak mengambil peluang memenangi perlawanan dan kini menumpukan perhatian untuk merebut juara keseluruhan yang akan bermula 22 Februari ini.

Headline	Thunderbolts pertahan juara		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	08 Feb 2013	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	192,982
Page No	48	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	386 cm <sup>2</sup>
Journalist	Jumiati Rosly	AdValue	MYR 13,068
Frequency	Daily	PR Value	MYR 39,205

### KEPUTUSAN

- ⊙ Thunderbolts 4 UniKL 3
- ⊙ USM-MSSPP 4 SSTMI Jr 3

### KEDUDUKAN

	P	M	S	K	J	B	Mt
SSTMI	7	6	0	1	33	6	18
MBPJ	7	6	0	1	11	9	18
UniKL	7	5	0	2	31	10	15
MBI	7	2	2	3	11	19	8
SSTMI Jr	7	2	1	4	12	21	7
MHS	7	1	3	3	10	22	6
SSBJ	7	1	1	5	9	17	4
USM-MSSPP	7	1	1	5	11	24	4



Pemain Thunderbolts meraikan kemenangan **mempertahankan mahkota kejuaraan** Liga Hoki Remaja Malaysia MHC-Milo-MSN menewaskan UniKL, semalam. (FOTO HASRIYASYAH SABUDIN/BH)